

Mangsa bah terharu Perdana Menteri luang masa melawat

PEKAN - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menasihatkan ibu bapa yang tinggal di pusat pemindahan banjir untuk mengawasi anak-anak mereka.

Pesanan itu disampaikan secara peribadi kepada beberapa ibu bapa yang ditemui beliau ketika melawat mangsa banjir di pusat pemindahan Sekolah Kebangsaan (SK) Temai di sini semalam.

Mangsa banjir, Ramzi Mohd. Amin, 49, berkata, dia tidak menyangka Perdana Menteri akan bertanya khabar dirinya kerana dia tidak menunggu kedatangan pemimpin negara itu kerana sedang menidurkan anak dalam buaian.

"Tiba-tiba saya nampak ramai orang datang ke arah saya, rupa-rupanya PM (Perdana Menteri)



NAJIB (kanan) bersama Shahidan (dua dari kanan) meninjau keadaan banjir di SK Temai, Pekan semalam.

menuju ke arah saya. Beliau datang dan tanya berapa lama sudah saya berada di sini.

"Kemudiannya beliau lihat anak dan pesan jan-

gan bagi mereka bermain dekat air, jaga keselamatan. Beliau juga minta saya bersabar dengan ujian ini," katanya kepada *Bernama* semalam.



PERDANA MENTERI (kiri) beramah mesra dengan mangsa banjir ketika melawat pusat pemindahan di SK Temai.

Ramzi memberitahu, dia berpindah ke pusat pemindahan itu bersama enam ahli keluarganya sejak rumahnya di Temai Hulu di sini dinaiki air pada

Khamis lalu.

Terdahulu, Najib tiba di SK Temai pukul 11.45 pagi dengan menaiki bot kerana laluan masuk ke pusat pemindahan yang

menempatkan 96 mangsa daripada 21 keluarga itu dinaiki air setinggi dua meter.

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim.

Sementara itu, Fatimah Mat Ariff, 38, yang ditempatkan di Dewan Orang Ramai Sri Damai, Kuantan bersama empat orang anaknya yang berumur tiga bulan hingga 18 tahun turut melahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri kerana sudi bertanya khabar mangsa banjir walaupun sibuk dengan tugas sebagai pemimpin nombor satu negara.

"Walaupun sibuk, tetapi beliau masih sudi berjumpa kami, rasa gembira sebab biasanya tengok dalam televisyen sahaja, sekarang bolehlah tengok depan-depan," ujarnya. - *Bernama*